



Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

**GARIS PANDUAN PENYALURAN PERUNTUKAN
SECARA PEMBERIAN LANGSUNG
(*DIRECT GRANT* DAN *OUTRIGHT GRANT*)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor mengenai garis panduan dan tatacara penyaluran peruntukan dari Kerajaan Negeri secara pemberian langsung (*direct grant* dan *outright grant*).

LATAR BELAKANG

2. Jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya menggunakan Sistem Perakaunan

Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Manakala semua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor merupakan Jabatan perakaunan sendiri (*self accounting department*) yang menggunakan lain-lain sistem bagi tujuan perakaunan.

3. Oleh sebab perbezaan sistem perakaunan tersebut, pengeluaran peruntukan secara pemberian langsung akan digunakan.

GARIS PANDUAN PENYALURAN PERUNTUKAN

4. PERUNTUKAN BAGI PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP (STANDCO)

- Program Yang Dirancang Pada Tahun Semasa

- i. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk membuat penyaluran secara pemberian langsung tidak melebihi **RM50,000.00** dan hendaklah mendapatkan kelulusan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- ii. Pemberian langsung yang melebihi **RM50,000.00** hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri berserta ulasan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Seksyen Agihan dan Pembangunan serta kelulusan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).

- Program yang tidak dirancang

- iii. Pemberian secara langsung bagi program yang tidak dirancang pada tahun semasa hendaklah diangkat untuk **kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN)**. Ulasan berkaitan implikasi kewangan hendaklah diperolehi daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum kertas tersebut diangkat untuk kelulusan MMKN. Ulasan Pegawai Kewangan Negeri bolehlah diambil sebagai kelulusan berbelanja.

5. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

- i. Pemberian langsung kepada Jabatan-jabatan di bawah Vot Kerajaan Negeri yang menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) adalah **tidak dibenarkan**.
- ii. Penyaluran secara pemberian langsung peruntukan Mengurus di bawah Vot B01 (Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan), B02 (Pelbagai Perkhidmatan) dan B04 (Perbendaharaan Negeri Selangor) di bawah Objek Am 40000, adalah tertakluk kepada **kelulusan Pegawai Pengawal**.

- iii. Penyaluran secara pemberian langsung daripada peruntukan **Pembangunan** ke Akaun Amanah adalah **tidak dibenarkan** kecuali dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.


TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 3 Mac 2014

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- iv. Y.Bhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)